

MALAYSIA

Kempen Amnesty International untuk menghentikan penyiksaan dan penganiayaan dalam “Perang terhadap Keganasan”

Kini, hak asasi manusia sering diancam. Larangan mutlak terhadap penyiksaan, penganiayaan dan layanan yang merendahkan martabat seseorang – hak-hak asasi yang diiktiraf, di seluruh dunia, kini mula dipandang ringan. Di dalam “Perang menentang Keganasan”, kerajaan-kerajaan bukan sahaja menyeksa dan melakukan kekejaman, tetapi kemudian menjustifikasikan tindakan mereka. Kerajaan bertegas bahawa kaedah soal siasat yang melibatkan penyiksaan dan penganiayaan serta layanan yang menjatuhkan maruah tahanan adalah perlu dan berasas.

Ini adalah krisis yang dihadapi dalam usaha untuk menghapuskan penyiksaan dan kekejaman. Oleh sebab ini, kami terpaksa menggandakan usaha kami dan merayu kepada semua orang untuk turut serta dalam usaha menghapuskan penyiksaan dan kekejaman serta menghentikan kaedah soal-siasat yang dikenali sebagai “soal-siasat paksaan”. Kami mahu menghentikan penyiksaan dan penganiayaan yang dikenakan atas nama “perang menentang keganasan.

Undang-undang darurat di Malaysia

Undang-undang darurat di Malaysia khususnya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), sering digunakan untuk mencabuli hak asasi manusia. Hak-hak ini yang telah dijamin oleh Perlembagaan

Persekutuan dan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Undang-undang ini mencabuli hak asasi manusia kerana ia membenarkan penyiksaan dan penganayaan tahanan serta membenarkan penahanan berterusan, tanpa perbicaraan serta komunikasi dengan pihak luar.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Amnesty International dan beberapa buah lagi badan bukan kerajaan telah berulang kali menyeru agar kerajaan memansuhkan atau meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) agar hak asasi manusia dihormati. Ini termasuk hak dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan, kebebasan dari penahanan sewenang-wenangnya dan kebebasan dari penyiksaan dan penganiayaan. Mereka juga menyeru supaya hak-hak tahanan terbela seperti hak untuk semakan kehakiman di semua peringkat tahanan dan hak untuk mendapatkan khidmat guaman.

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

Pada tahun 2001, dalam konteks “Perang menentang Keganasan”, kerajaan Malaysia mula menjustifikasi Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai satu keperluan bagi menentang keganasan. Pada hakikatnya, akta ini telah wujud sejak sekian lama sebelum berlakunya kejadian serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat yang membawa kepada pengisytiharan perang oleh Amerika terhadap penganas oleh kerajaan Amerika.

Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digubal pada tahun 1960 sebagai langkah sementara untuk membendung pemberontakan Komunis. Walau bagaimanapun, undang-undang ini dikekalkan sehingga ke hari ini atas alasan yang sentiasa berubah dari tahun ke

tahun berdasarkan ancaman yang dihadapi oleh kerajaan. Pelbagai pindaan telah dibuat untuk menghapuskan perlindungan penting termasuk semakan kehakiman tentang kesahan penahanan ISA. Apa yang berubah hanyalah dari sudut bagaimana Akta ini telah digunakan untuk menangkap dan menahan ramai orang yang meluahkan perbezaan pandangan sama ada tentang isu agama ataupun politik.

Penangkapan dan Penahanan Tanpa Had di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri

Akta Keselamatan Dalam Negeri membenarkan pihak polis menahan seseorang tanpa bukti atau waran tangkap, yang disyaki melakukan sesuatu, atau merancang untuk melakukan sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara.

Tahanan boleh ditahan selama 60 hari untuk siasatan polis. Dalam tempoh masa ini, tahanan tidak dibenarkan berkomunikasi dengan pihak luar dan ditempatkan di suatu lokasi yang dirahsiakan. Mereka berhadapan dengan siasatan yang berpanjangan dan berisiko untuk diseksa dan dilayan buruk. Selepas 60 hari, Menteri Keselamatan Dalam Negeri boleh mengeluarkan arahan penahanan selama dua tahun di bawah Artikel 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tahanan akan dihantar ke Pusat Tahanan Kamunting di Perak. Mereka boleh ditahan tanpa had memandangkan Menteri mempunyai kuasa untuk memperbaharui arahan penahanan, tanpa menghadapkan tahanan ke Mahkamah.

Mereka yang ditahan di bawah ISA mempunyai perlindungan undang-undang yang terhad. Mereka tidak mempunyai ruang untuk mencabar penahanan mereka atau membela diri melalui perbicaraan yang adil. Oleh itu, ISA boleh disifatkan sebagai bertentangan dengan undang-undang antarabangsa, iaitu mencabuli hak kebebasan, kebebasan dari penangkapan sewenang-wenangnya, hak untuk diberitahu asas penangkapan, hak anggapan tidak bersalah serta hak untuk dibicarakan secara adil oleh tribunal yang bebas dan kompeten. Tambahan pula, kekurangan perlindungan kehakiman dan perundangan serta larangan komunikasi dengan pihak luar dan pengurungan bersendirian mendedahkan tahanan terhadap risiko penyeksaan dan layanan buruk.

ISA menjadi bukti bagaimana kerajaan menggadaikan hak asasi manusia demi keselamatan. Sejak tahun 2001, beratus-ratus orang yang dikatakan militan Islam telah ditahan kerana disyaki mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas domestik dan serantau. Sekurang-kurangnya, 70 orang yang disyaki sebagai militan Islam masih berada di bawah tahanan ISA.

Amnesty International mengakui bahawa ia adalah tanggungjawab kerajaan untuk melindungi nyawa dan keselamatan awam serta mengambil langkah yang berpatutan untuk mencegah kegiatan pengganas. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tersebut seharusnya dilaksanakan mengikut garis panduan perlindungan hak asasi manusia.

Penyeksaan dan pelbagai penganiayaan dalam “Perang terhadap keganasan”

Larangan terhadap penyiksaan dan layanan buruk telah lama wujud dalam undang-undang antarabangsa. Ianya mengikat semua negara tanpa mengira sama ada negara tersebut adalah negara anggota perjanjian antarabangsa yang mengeluarkan larangan tersebut. Undang-undang ini juga adalah mutlak tanpa membenarkan sebarang pengecualian yang timbul akibat dari situasi tertentu seperti peperangan, darurat atau faktor- faktor individu seperti kesalahan yang didakwa telah dilakukan atau ancaman oleh individu tertentu

Selama lebih sedekad Amnesty International telah secara serius mengambil berat laporan-laporan tentang penyiksaan dan penganiayaan terhadap tahanan ISA. Teknik penyiasatan oleh polis termasuk kombinasi serangan fizikal, kekerasan serta tekanan fizikal dan mental yang keterlaluan sebenarnya sudah lama dipraktikan dan kini mejadi biasa.

Corak penyiksaan dan penganiayaan terhadap tahanan ISA telah direkodkan oleh Amnesty International semasa lawatan ke Malaysia sekitar tahun 1970-an dan ketika lebih 100 ahli politik pembangkang, wartawan, pekerja komuniti serta orang awam yang ditahan pada tahun 1988.

Dalam kebanyakan kes, penyiksaan dan penganiayaan terhadap tahanan ISA berlaku ketika siasatan pada 60 hari pertama. Tahanan telah diserang, dipaksa berbogel, tidak dibenarkan tidur, makan dan minum, diugut untuk mencederakan keluarga serta terdedah kepada siasatan agresif yang berpanjangan untuk mendapatkan pengakuan atau untuk mencungkil maklumat. Ketika ini, tahanan ISA dikurung secara bersendirian, selalunya di dalam sel yang tidak bertingkap yang menghalang tahanan dari membezakan waktu siang atau malam. Kaedah siasatan sebegini sengaja direka bagi mewujudkan perasaan

disorientasi dan pergantungan terhadap penyoyal siasat. Rasa tidak berdaya ini ditambah pula dengan faktor-faktor seperti halangan ke atas perlindungan kehakiman serta lawatan oleh peguam dan ahli keluarga yang sepenuhnya bergantung kepada budi bicara penyoyal siasat.

Dalam konteks “perang terhadap keganasan”, kerisauan terhadap suspek-suspek militan Islam yang terdedah kepada penyeksaan dan penganiayaan semakin serius. Pada tahun 2004, 31 orang tahanan ISA yang dituduh mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas telah membuat laporan kepada SUHAKAM tentang penganiayaan ketika tempoh tahanan selama 60 hari.

Abdul Razak bin Abdul Hamid (ditahan pada bulan Disember 2002) melaporkan bahawa dia telah dipaksa berbogel, dipukul oleh penyoyal siasat dan dipaksa meminum air yang dituang ke atas lantai.

Mohidin Shaari (ditahan pada bulan Disember 2002) dan **Azman Hashim** (ditahan pada bulan Februari 2003) menceritakan pengalaman mereka dipaksa berbogel, ditendang dan dihina dengan kata-kata kesat

Sulaiman Suramin (ditahan pada bulan Jun 2003) mendakwa dia dipaksa berbogel, dimalukan secara seksual dan dipaksa mencium sampah dan abu rokok.

Empat dari 31 pengadu juga mengadu dipaksa menceritakan bagaimana mereka melakukan hubungan seks dengan isteri mereka. Selain itu, antara aduan-aduan lain ialah dipukul di bahagian muka

dengan menggunakan surat khabar, diludah dan dipaksa minum air ludah tersebut dan dipaksa duduk dalam kesejukan ketika soal-siat berlangsung.

Amnesty International terus menerus memandang serius tindakan kerajaan Malaysia yang berkali-kali telah gagal menyiasat secara efektif aduan dan laporan tentang penyeksaan dan penganiayaan terhadap tahanan ISA oleh pihak polis. Walaupun terdapat penelitian tentang layanan dan keadaan penahanan semua tahanan ISA sejak kebelakangan ini hasil usaha SUHAKAM dan badan-badan organisasi bukan kerajaan (NGO), masih terdapat kebimbangan bahawa perlindungan daripada penyeksaan dan penganiayaan kekal lemah dan tidak efektif.

Apa yang boleh anda lakukan

Mengambil bahagian dalam kempen-kempen Amnesty International- lawati <http://www.amnesty.org> atau laman web kempen di <http://www.amnesty.org/stoptorture>

Menghantar surat kepada Perdana Menteri/ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Badawi

* Nyatakan bahawa penyeksaan dan penganiayaan adalah pencabulan hak asasi manusia yang dikutuk oleh komuniti antarabangsa sebagai satu jenayah dan kesalahan terhadap maruah individu serta dilarang dalam apa jua situasi mengikut undang-undang antarabangsa:

* Mengalu-alukan tindakan Perdana Menteri pada 20 Februari 2006 yang mendesak supaya pusat tahanan Amerika Syarikat di

Teluk Guantanamo, Cuba ditutup dan menyatakan kerisauan terhadap penahanan berterusan tanpa perbicaraan di Pusat Tahanan Kamunting dengan sekurang-kurangnya 70 orang yang disyaki terlibat dengan rangkaian organisasi penganas;

* Meluahkan keprihatinan tentang laporan-laporan penganiayaan ke atas tahanan-tahanan ISA terutamanya ketika 60 hari yang pertama dalam tahanan.

Juga mendesak kerajaan supaya:

* menubuhkan dan memastikan pelaksanaan garis panduan system yang efektif yang telah diperkenalkan oleh Amnesty International di dalam laporan *12-Point Programme for the Prevention of Torture and other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment by Agents of the State* (Indeks AI: ACT 40/001/2005)

<http://web.amnesty.org/library/index/engact400012005>

* secara rasmi dan terbuka mengutuk penyeksaan dan penganiayaan dan mengarahkan supaya amalan tersebut dihentikan serta secara jelas menyatakan bahawa amalan tersebut adalah dilarang sama sekali dan Malaysia tidak akan bertolak ansur dalam isu ini.

* memastikan bahawa semua tuduhan tentang penyeksaan dan penganiayaan disiasat oleh sebuah badan bebas yang efektif dan adil.

- * memastikan semua yang bertanggungjawab melakukan, mengarahkan atau membenarkan penyeksaan dan penganiayaan berlaku dibawa ke muka pengadilan dan dibicarakan secara adil

- * memastikan tahanan-tahanan ISA di Pusat Tahanan Kamunting yang tidak dibicarakan serta semua tahanan-tahanan ISA yang lain didakwa mengikut undang-undang dan dibicarakan di mahkamah ataupun membebaskan tahanan-tahanan tersebut

- * Menghapuskan atau meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) agar ia tidak lagi mencabuli undang-undang antarabangsa.

Perdana Menteri Y.A.B Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bangunan Perdana Putra,
62502 Putrajaya
Malaysia

Faks: +603 8888 3444

E-mail: ppm@pmo.gov.my

Kata pembuka : Kepada Y.A.B Perdana Menteri